

03/10/2003

Artis meriahkan Kempen Atas Nama Cinta

Suzan Ahmad

SEBAGAI tanda sumbangan ikhlas artis dalam mengembalikan sesuatu kepada masyarakat, mereka bakal menyertai Kempen Atas Nama Cinta atau In The Name of Love Campaign pada esok dan 5 Oktober ini.

Berlangsung di Sports Unlimited, 14, Jalan 13/4, 46200 Petaling Jaya perlawanan futsal yang dinamakan The Red Ribbon Futsal Challenge 2003 (RRFC) disertai pemain gandingan penyanyi, pelakon filem dan teater, model, personaliti sukan dan legenda bola sepak tanah air.

Antara personaliti yang sudah mengesahkan penyertaan dalam RRFC, kegiatan keempat yang dijalankan di bawah Kempen Atas Nama Cinta anjuran Yayasan Aids Malaysia (MAF) dan Kaunsel Aids Malaysia (MAC) adalah Ako Mustapha, Edwin Sumun, Ferhad, Bernie Chan, Bernice Chauly, Elaine Daly, Alex Yoong, Sarimah, Kartini (3R), penyampai radio Hitz.fm, manakala legenda sukan pula termasuk Zainal Abidin Hassan, Dollah Salleh, K. Gunalan, Ismail Ibrahim, R Hassan, Razif Ismail dan Khang Hung Meng.

Turut serta dalam perlawanan menarik ini ialah aktivis dan penaung MAF termasuk Presiden MAC dan Pengerusi MAF, Datin Paduka Marina Mahathir. Shebby, legenda bola sepak dan pengulas perlawanan yang tidak asing lagi bakal mengulas perlawanan membabitkan personaliti popular tanah air ini.

Selain perlawanan futsal, acara lelong barangan milik atlit sukan negara juga diadakan. Barangan seperti raket milik Nicol David, Visor milik Alex Yoong, kemeja-T milik Datuk Punch Gunalan dan tidak ketinggalan kejutan istimewa dari Too Phat. Lelong akan dikendalikan Bernie Chan dan Jit Murad, manakala semua hasil jualan lelong akan disalurkan kepada badan berkaitan MAF.

Kata Pengerusi kempen itu, Robert Yeoh, RRFC ialah acara yang tidak hanya menyasar untuk mengutip dana bagi program HIV/Aids tetapi turut meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai HIV/Aids melalui kegiatan sukan yang menyeronokkan.

"Apa pun MAF masih berharap untuk dapat mengumpul RM200,000 melalui penganjuran program HIV/ Aids ini termasuk Paediatric Aids Fund dan The People Living with HIV/Aids Drug Assistance Scheme," katanya.

Hingga kini, RRFC sudah menerima pengesahan daripada hampir 40 pasukan yang ingin menyertai perlawanan. Hadiah menarik tersedia untuk pasukan dan individu yang meraih kemenangan.

Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dijangka turut hadir pada acara penutup kempen berkenaan.

Untuk maklumat lanjut, hubungi Yayasan Aids Malaysia di 03- 4045 1033.